



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEPANJANG BULAN RAMADAN 2018/1439H

Cyberjaya, 14 Mei - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan perubahan kepada waktu operasi **kaunter perkhidmatan** sepanjang bulan Ramadan 2018/1439H adalah dari pukul 7.30 pagi sehingga 4.00 petang bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala 8.00 pagi sehingga 4.30 petang bagi lain-lain negeri. Waktu operasi kaunter perkhidmatan ini diselaraskan dengan memendekkan waktu rehat tengah hari daripada 60 minit kepada 30 minit supaya tempoh masa perkhidmatan biasa tidak terjejas.

Namun demikian, perubahan waktu operasi ini tidak meliputi kaunter perkhidmatan LHDNM di Pusat Transformasi Bandar (UTC). Waktu operasi kaunter perkhidmatan LHDNM di UTC adalah tertakluk kepada ketetapan waktu bekerja oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Pelanggan yang ingin berurusan dengan LHDNM diharap ambil maklum perkara tersebut. Sungguh pun begitu, sebarang urusan percukaian berkaitan dengan LHDNM boleh diteruskan melalui perkhidmatan elektronik dengan melayari www.hasil.gov.my. LHDNM ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Kareem kepada semua pelanggan yang beragama Islam.

**WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
SEPANJANG BULAN RAMADAN 2018/1439H**

Negeri/Kawasan	Hari	Waktu Perkhidmatan Kaunter
Semua negeri kecuali Johor, Kedah, Terengganu & Kelantan	Isnin - Jumaat	8.00 pagi – 4.30 petang
Johor, Kedah, Terengganu & Kelantan	Ahad - Rabu	8.00 pagi – 4.30 petang
	Khamis	8.00 pagi – 3.00 petang
Sabah & WP Labuan	Isnin - Jumaat	7.30 pagi – 4.00 petang

**WAKTU OPERASI HASIL CARE LINE
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
SEPANJANG BULAN RAMADAN 2018/1439H**

Hari	Waktu Operasi
Isnin hingga Jumaat	9.00 pagi – 4.30 petang

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 14 Mei 2018.

Kenyataan Media LHDNM, 14 Mei 2018